

Usah sertai perhimpunan bantah kunjungan PM

KUALA LUMPUR 30 Jun — Para pelajar dinasihatkan supaya tidak menghadiri perhimpunan membantah kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Universiti Malaya (UM), esok.

Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Muhammad Mushriff Abdullah berkata, kehadiran Dr. Mahathir seharusnya disambut baik kerana ia memberi peluang kepada pelajar untuk berdialog dengan Perdana Menteri.

“Gunakan waktu dialog berkenaan bagi meluahkan rasa tidak bersetuju mereka,” katanya ketika dihubungi oleh *Mingguan*, hari ini.

Beliau menegaskan, pihaknya tidak terbabit dengan penyebaran risalah bertajuk ‘Mahasiswa Bersama-sama Masyarakat’ yang disebarikan di beberapa kolej kediaman UM dan ditaburkan di jalan-jalan.

Risalah itu antara lain berbunyi: “Tahu tak anda siapa yang akan masuk ke kampus anda pada 1 Julai ini? Itulah dia... P.M.”

Adakah anda sanggup menerima kehadiran pengkhianat ini? Bersama-samalah dengan kami membantah kehadirannya pada 1 Julai 2001. Masa: 9.30 pagi. Bertempat: Depan Dewan Tunku Canselor (DTC) UM.”

Kehadiran Perdana Menteri itu adalah bagi menutup Simpo-

sium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa di Alaf Baru yang dihadiri pemimpin-pemimpin mahasiswa dari 15 buah universiti seluruh negara.

Muhammad Mushriff juga meluahkan rasa terkejut dengan peristiwa kebakaran DTC, pada awal pagi semalam, yang bakal digunakan sebagai tempat simposium itu.

Dua MPP lain dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) juga menafikan penglibatan mereka dengan penyebaran risalah tersebut.

Presiden MPPUIA, Ahmad Fadzli Yusof berkata, pihaknya menyerahkan kepada polis membuat siasatan bagi mengenal pasti pihak yang terlibat.